

**PENILAIAN KEPEMIMPINAN PENTADBIRAN
TUN ABDUL RAZAK 1969-1970 TERHADAP
PEMULIHAN KEAMANAN NEGARA**

MOHAMAD ASROL ARPIDI BIN MAMAT

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat strategi dan peranan Tun Abdul Razak dalam menangani rusuhan dan pembinaan perpaduan antara kaum. Kaedah kajian yang dilakukan adalah bersifat kualitatif dan kronologi yang mana ianya bersifat subjektif, sumber maklumat yang diperolehi diambil daripada sumber berbentuk primer dan sekunder. Hasil kajian menunjukkan bahawa Tun Abdul Razak menggunakan pendekatan bijak menerusi strategi jangka pendek dan strategi jangka panjang dalam proses pemulihan keamanan dan perpaduan antara kaum. Di samping menggunakan beberapa strategi bagi mengendalikan rusuhan, Tun Abdul Razak juga bertindak menubuhkan kementerian, jabatan dan majlis dalam perkhidmatan awam serta membentuk dasar awam dan rancangan Malaysia yang berfungsi untuk memupuk perpaduan dan mengstruktur semula ekonomi antara kaum. Tun Abdul Razak berjaya membawa keamanan dan perpaduan antara kaum di negara ini menerusi strategi dan peranan yang digunakan dalam pentadbiran beliau. Kejayaan dan perubahan positif yang dibawa oleh Tun Abdul Razak dapat dilihat dari aspek sosial, ekonomi, politik, pertahanan serta keselamatan negara.

**EVALUATION OF TUN ABDUL RAZAK'S ADMINISTRATIVE
LEADERSHIP 1969-1970 ON NATIONAL PEACE
RECOVERY EFFORTS**

ABSTRACT

This study aims to look at the strategies and the roles of Tun Abdul Razak in handling the riots and building solidarity between the races. This study was conducted in qualitative nature and chronological manner that were subjective and the information was obtained from primary and secondary resources. The results showed that Tun Abdul Razak used intelligent approach through short-term and long-term strategies in the process of restoration of peace and solidarity between the races. In addition to the strategies to encounter the riots, Tun Abdul Razak has also established the ministries, departments and councils in the public service and formed the public policies and Malaysia Plan which serves to foster unity and restructure the economy between the races. Tun Abdul Razak succeeded in bringing peace and unity among the races in this country through the use of strategies and roles in his administration. The success and positive changes brought by Tun Abdul Razak was evidenced from the social, economic, political, defence and national security.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
 BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Faktor Pencetus Rusuhan 13 Mei 1969	7
1.3 Permasalahan Kajian	15
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Kepentingan Kajian	17
1.6 Kajian Lepas	17
1.7 Kaedah Kajian	24
1.8 Skop dan Batasan Kajian	25
1.9 Susunan Bab	26
1.10 Rumusan	28

BAB II LATAR BELAKANG KEHIDUPAN TUN ABDUL RAZAK

2.1	Pengenalan	30
2.2	Latar Belakang Keluarga	33
2.3	Latar Belakang Pendidikan	38
2.4	Penglibatan Dalam Kerjaya	53
2.5	Penglibatan Dalam Politik	56
2.6	Rumusan	58

BAB III STRATEGI JANGKA PENDEK TUN ABDUL RAZAK

3.1	Pengenalan	60
3.2	Mengekang Pertelingkahan Di Perak dan Selangor	62
3.3	Mengawal Rusuhan Pada 13 Mei 1969	65
3.4	Mengarah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)	67
3.4.1	Tun Abdul Razak dan Pelaksanaan MAGERAN	71
3.5	Menyelesaikan Konflik Dalaman UMNO	76
3.6	Menguatkuasakan Akta Hasutan	78
3.7	Memelihara Keamanan dan Keselamatan	79
3.8	Membanteras Ancaman Komunis	84
3.9	Menyambung Semula Pilihan Raya di Sabah dan Sarawak	89
3.10	Menubuhkan Majlis Perundingan Negara (MPN)	91
3.11	Melaksanakan Majlis Muhibbah Negara	93
3.12	Menubuhkan Majlis Perpaduan Negara	94
3.13	Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara	96
3.14	Menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara	100
3.15	Memperkenalkan Rukun Negara	102
3.15.1	Kepercayaan Rukun Negara	107
3.15.2	Prinsip Rukun Negara	110
3.16	Meminda Perlembagaan Persekutuan	115
3.16.1	Pindaan Fasal 152 dan 153	120
3.17	Menubuhkan Barisan Nasional (BN)	124

Bab IV STRATEGI JANGKA PANJANG TUN ABDUL RAZAK

4.1	Pengenalan	133
4.2	Dasar Kebudayaan Kebangsaan	135
4.3	Dasar Ekonomi Baru (DEB)	137
4.3.1	Membasmi Kemiskinan	141
4.3.2	Penyusunan Semula Masyarakat	145
4.3.3	Penyusunan Semula Guna Tenaga Mengikut Kaum	148
4.3.4	Pembangunan Wilayah di Bawah DEB	152
4.4	Impak Dasar Ekonomi Baru (DEB) sepanjang Rancangan Malaysia Kedua (RMK2)	155
4.4.1	Aspek Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua (RMK2)	161
4.4.2	Pencapaian Dalam Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua (RMK2)	169
4.5	Rumusan	175

Bab V KEBERKESANAN STRATEGI TUN ABDUL RAZAK

5.1	Pengenalan	177
5.2	Sosial	178
5.3	Ekonomi	184
5.4	Politik	188
5.5	Pertahanan dan Keselamatan	190
5.6	Rumusan	192

Bab VI KESIMPULAN

194

BIBLIOGRAFI

204

LAMPIRAN

219



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Komposisi Kaum di Tanah Melayu Dari Tahun 1835 Hingga 1970	3
3.1 Anggaran Belanjawan Keselamatan Kerajaan Malaysia (Keselamatan Dalam Negeri dan Pertahanan Dari Tahun 1971 Hingga 1976)	83
4.1 Kadar Kemiskinan dan Pendapatan Purata Mengikut Kaum 1970	139
4.2 Jumlah Guna Tenaga Mengikut Kaum dan Sektor, Semenanjung Malaysia Tahun 1970.	149
4.3 Keluaran, Pekerjaan dan Eksport Perusahaan Pembuatan, 1971-1973	170
4.4 Keluaran dan Pekerjaan Dalam Perdagangan, 1971-1973	171
4.5 Keluaran dan Pekerjaan Dalam Perlombongan, 1971-1975	172
4.6 Bilangan Penuntut di Institusi Pengajian Tinggi, 1970-1973	174

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Salasilah Keluarga Tun Abdul Razak	34
2.2	Salasilah Orang Kaya Indera Shahbandar (O.K.I.S)	36
3.1	Anggaran Belanjawan Keselamatan Kerajaan Malaysia (Keselamatan Dalam Negeri dan Pertahanan Dari Tahun 1971 Hingga 1976)	84
3.2	Strategi Kerajaan Menghadapi Ancaman Komunis Dalam Negara	88
3.3	Struktur Organisasi Jabatan Perpaduan Negara Tahun 1971	99
3.4	Kandungan Rukun Negara	102

SENARAI SINGKATAN

BN	Barisan Nasional
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
FELCRA	<i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
Gerakan	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
ITM	Institut Teknologi MARA
JPN	Jabatan Perpaduan Negara
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MCKK	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
MPAJA	<i>Malayan People's Anti-Japanese Army</i>
MPN	Majlis Perundingan Negara
MSC	<i>Malaysia Solidarity Convention</i>
O.K.I.S	Orang Kaya Indera Shahbandar
PAP	Parti Tindakan Rakyat
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PEKEMBAR	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PERNAS	Perbadanan Nasional Berhad
PESAKA	Parti PESAKA Bumiputera Bersatu Sarawak
PKEN-PKEN	Pejabat Kemajuan Negeri
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PPP	<i>People's Progressive Party</i>
RIDA	<i>Rural Industrial Development Authority</i>

RISDA

*Rubber Industry Smallholders Development
Authority*

SCA

Persatuan Cina Sabah

SNAP

Sarawak National Party

SPK

Syarikat Pengangkutan Kebangsaan

SUPP

Sarawak United People's Party

UDA

Urban Development Authority

UMNO

United Malay National Organisation

USNO

United Sabah National Organization



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini akan meneliti pentadbiran Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein dalam era 13 Mei 1969 yang merangkumi strategi dan peranan beliau untuk memelihara keamanan serta mengukuhkan semula perpaduan di negara ini selepas berlakunya peristiwa rusuhan. Tun Abdul Razak (11 Mac 1922 - 14 Januari 1976) merupakan Perdana Menteri Malaysia kedua yang berkhidmat dari tahun 1970 sehingga 1976. Semasa berlakunya peristiwa rusuhan pada 13 Mei 1969, beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Pada ketika itu pucuk pimpinan negara dipegang oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj selaku Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Rusuhan kaum atau konflik perkauman boleh dielakkan bagi sesebuah negara yang berbilang kaum. Perkembangan dan pembentukan masyarakat majmuk sudahpun berlaku sebelum kedatangan penjajah ke Tanah Melayu lagi. Masyarakat majmuk tersebut hidup secara berdekatan tetapi terpisah dalam unit politik yang sama dan sistem pembahagian buruh dalam bidang ekonomi adalah berasaskan kaum dimana setiap kaum dalam masyarakat tersebut mempunyai fungsi yang berlainan.¹

Jika dilihat kepada fenomena pada masa era tahun 1960-an, penduduk di negara ini terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan latar belakang kebudayaan yang berbeza-beza. Keharmonian hubungan antara kaum khususnya antara kaum Melayu dan Cina pernah tergugat dalam beberapa peristiwa sejarah sebelum dan sesudah negara ini mencapai kemerdekaan.² Sebelum negara ini mencapai kemerdekaan, *Malayan Peoples Anti-Japanese Army* (MPAJA) yang kebanyakan daripada ahlinya adalah terdiri daripada orang Cina cuba menguasai negeri-negeri Melayu, manakala

¹ Abdul Halim Ramli. (2009). *Hubungan Kaum Di Malaysia: Sejarah dan Asas Perpaduan*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA. hlm. 2.

² Perkara asas yang menjadi latar belakang rusuhan dan pergaduhan di antara orang Melayu dengan Cina adalah ketika kerajaan United Kingdom hendak menganugerahkan taraf bandar raya kepada Pulau Pinang. Berlaku serang menyerang di antara orang Melayu dengan Cina yang menyebabkan seramai 4 orang terbunuh dan 48 lagi cedera. Pada 11 Julai 1964 juga berlaku pertempuran di antara orang Melayu dengan Cina apabila seorang pekerja Melayu di pasar Bukit Mertajam dipukul dengan menggunakan cangkul oleh seorang penjaja sayur berbangsa Cina yang berumur 15 tahun disebabkan satu pertengkaran yang kecil. Kemudiannya berlakulah pertempuran di antara lebih kurang 30 orang Melayu yang tidak bersenjata dengan orang Cina di pasar Bukit Mertajam yang mengakibatkan seorang terkorban masing-masing daripada kedua-dua belah pihak dan yang lainnya mengalami kecederaan. Pada bulan November 1967, beberapa pertubuhan politik berhaluan kiri termasuk sesetengah kumpulan parti Buruh menganjurkan tunjuk perasaan secara besar-besaran dan hartal di Pulau Pinang sebagai bantahan terhadap langkah kerajaan menurunkan nilai mata wang lama. Keadaan ini menyebabkan berlakunya beberapa rusuhan di antara orang Cina dengan orang India pada suatu pihak dan orang Melayu dan orang Islam pada pihak yang lain. Kira-kira lebih dua puluh orang terbunuh dan beratus-ratus orang mengalami kecederaan. Lihat Tew Peng Kooi. (2000/2001). *Kepimpinan Tun Dr. Lim Chong Eu di Pulau Pinang Sehingga 1974*. hlm. 17. Laporan Majlis Gerakan Negara. *Trajecti 13 Mei*. hlm. 22. Abdul Rahman Ibrahim. (2006). *13 Mei 1969: Sejarah Hitam Perhubungan Kaum Melayu dan Cina di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 109.

Parti Komunis Malaya (PKM) melancarkan perang gerila terhadap British.³ Selepas kemerdekaan dicapai pula rusuhan berlaku di Bukit Mertajam pada tahun 1964, di Kuala Lumpur pada 1965 dan Pulau Pinang pada tahun 1967.

Jadual 1.1. Komposisi Kaum di Tanah Melayu Dari Tahun 1835 Hingga 1970 (%).
Sumber: Leon Comber. *13 May 1969: A Historical Survey Of Sino-Malay Relations*. Heinemann Asia. Kuala Lumpur. 1983.

	1835	1884	1921	1931	1947	1957	1965	1970
Melayu	85.9	63.9	54.0	49.5	49.5	49.8	50.1	53.2
Cina	7.7	29.4	29.4	33.9	38.4	37.2	36.8	35.4
India	-	-	15.1	15.1	10.8	11.3	11.1	10.6
Lain-lain	6.3	6.7	1.5	1.8	1.3	1.8	2.0	0.8

Nota:

- Angka-angka bagi tahun 1921, 1931, 1947, 1957, 1965 dan 1970 adalah merujuk kepada kawasan Semenanjung Malaysia sahaja.
- Angka-angka yang ditunjukkan untuk 'lain-lain' bagi tahun 1835 dan 1884 adalah terdiri terutamanya daripada orang India dan Pakistan.

³ Ideologi Komunis yang tersebar di Tanah Melayu berasal daripada negara China. Buruh Cina membawa ideologi ini dalam kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu. Kegiatan Komunis di Tanah Melayu bergerak di bawah kawalan Parti Komunis Nanyang (*South Seas Communist Party*) yang mengawal dua pertubuhan di Tanah Melayu iaitu Kesatuan Sekerja Umum Nanyang (*Nanyang General Labour Union*) dan Liga Belia Komunis (*Communist Youth League*). Kedua-dua pertubuhan ini diharamkan oleh kerajaan pada tahun 1926 kerana mengadakan tunjuk perasaan. Rentetan itu, pemimpin-pemimpin Komunis Tanah Melayu kemudian menubuhkan Parti Komunis Malaya (PKM) pada 30 April 1930. Lihat Rosli Jamaludin. (2011). *Darurat Di Daerah Kecil Sungai Siput Utara, Perak, 1948-1960*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 45.

Jadual 1.1 menunjukkan peningkatan yang amat ketara dari segi bilangan orang Cina yang terdapat di Tanah Melayu terutamanya pada tahun 1884 yang mana meningkat sebanyak 21.7 peratus iaitu sebanyak 7.7 peratus pada tahun 1835 kepada 29.4 peratus pada tahun 1884. Bilangan ini seterusnya mengalami peningkatan dari semasa ke semasa. Berbanding dengan kaum Cina, India dan lain-lain, bilangan orang Melayu menunjukkan angka majoriti sebagai penduduk di Tanah Melayu terutama pada awal zaman penjajahan Barat. Walau bagaimanapun, secara beransur-ansur pihak penjajah membawa masuk kaum Cina dan India secara beramai-ramai ke Tanah Melayu bagi menampung keperluan tenaga buruh di kawasan perlombongan dan perladangan bagi kepentingan ekonomi mereka. Pada tahun 1965, peratusan bilangan orang Cina hampir sama dengan jumlah penduduk pribumi iaitu perbezaan hanya sebanyak 13.3 peratus sahaja.

Kesan langsung daripada peninggalan penjajah bagi komposisi penduduk yang tinggal di negara ini adalah terbentuknya masyarakat majmuk yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India serta kaum lain. Dasar pemerintahan penjajah British dan Jepun sesungguhnya menyuburkan sifat perkauman di negeri Melayu. Kaum Melayu dan Cina diasingkan dalam segenap lapangan. Kaum Cina aktif dalam kegiatan ekonomi dan kaum Melayu pula tetap dikekalkan dengan cara hidup tradisional dan bergantung kepada British untuk menjalankan aktiviti seharian mereka untuk bertani, mentadbir negeri, melaksanakan undang-undang dan sebagainya.⁴

⁴ Pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu, mereka bertindak membawa orang Cina secara beramai-ramai serta memberi segala kemudahan dalam bidang ekonomi seperti perlombongan bijih dan perniagaan dipelopori oleh kaum Cina. Orang Melayu pula dikekalkan dengan sektor pertanian dan cara hidup tradisional. Kaum ini hidup secara terpisah-pisah dan interaksi antara kaum sangatlah terhad. Temubual Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur, pada 22 November 2013.

Pada zaman pendudukan Jepun pula unsur perkauman semakin memuncak. Dasar pemerintahan Jepun menindas kaum Cina sementara kaum Melayu diberi layanan yang baik. Diskriminasi pemerintahan Jepun ini mengakibatkan perasaan dendam oleh kaum Cina terhadap kaum Melayu. Hal ini dapat dibuktikan dengan jelas kekejaman selama 14 hari oleh *Malayan Peoples Anti-Japanese Army* (MPAJA). Ramai orang Melayu yang menjadi mangsa dibunuh, diseksa serta kekejaman lain. Apabila orang Melayu bertindak balas, keadaan ini membawa kepada pertempuran antara orang Melayu dengan orang Cina yang menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda di kedua-dua belah pihak.⁵

Seterusnya pada zaman darurat unsur perkauman menjadi lebih menonjol. Parti Komunis Malaya (PKM) terus berjuang menentang British dan pihak British terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk membanteras PKM. Sememangnya syak wasangka antara kaum sudah lama wujud. Perkauman adalah satu usaha untuk mengakui bahawa satu kaum adalah lebih baik daripada kaum lain dan cuba berusaha untuk menolak kaum lain daripada berkongsi sama ada kuasa atau hak terhadap kaum lain. Dalam usaha untuk menjadi wira kaum inilah kesempatan perkauman mengambil tempat. Serang menyerang antara kaum berlaku dalam segala aspek bagi menjaga kepentingan kaum masing-masing yang melibatkan aspek sosial, ekonomi dan politik.⁶

⁵ *Ibid.*

⁶ Temubual Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur, pada 22 November 2013.

Kemuncak kepada konflik kaum yang wujud di negara ini ialah peristiwa yang paling banyak mengorbankan nyawa iaitu pada 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur dan kawasan di sekitarnya. Laporan daripada pihak polis menunjukkan angka korban daripada peristiwa ini ialah melibatkan kematian sebanyak 196 orang dan 149 cedera. Akibat daripada peristiwa ini darurat diisytiharkan dan Parlimen digantung.⁷ Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan dengan diketuai oleh Tun Abdul Razak untuk menangani masalah rusuhan tersebut.⁸ Peralihan sistem pemerintahan adalah dinyatakan sebagaimana berikut "...*Chaos and carnage ruled the day. Emergency was proclaimed N.O.C. military rule replaced Parliamentary rule*".⁹

Kua Kia Soong dalam tulisannya *13 Mei: Dokumen-dokumen Deklasifikasi Tentang Rusuhan 1969 Malaysia* menyatakan bahawa tidak sampai seminggu selepas rusuhan tercetus, tampuk kuasa pada hakikatnya dipindahkan kepada Tun Abdul Razak yang merupakan Timbalan Perdana Menteri pada masa itu.¹⁰ Hal ini demikian juga diakui oleh Subky Latiff dengan menyatakan bahawa kuasa Tunku Abdul

⁷ Kamarul Zaman Haji Yusoff. (2004). *PAS Dalam Era Mohd Asri Muda, 1965-1982*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 224.

⁸ Nik Anuar Nik Mahmud. (2000). *Tragedi 13 Mei 1969: Rahmat Tersembunyi*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 7. Wan Azman Wan Mamat. (2002/2003). *Mageran 1977. Satu Analisa Keadaan Politik Negeri Kelantan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 14. Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Di Dewan Rakyat Pada 23 Februari 1971. hlm. 30. Paridah Abd. Samad. (1998). *Tun Abdul Razak: A Phenomenon In Malaysian Politics, A Political Biography*. Kuala Lumpur: Affluent Master Sdn. Bhd. hlm. 28. Md Rozimi Mohd Nasir. (2009). *Darurat di Kelantan, 1977: Kejatuhan Kerajaan PAS Kelantan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 9.

⁹ Perbahasan Tuan Lim Kit Siang berkaitan Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan di Dewan Rakyat Pada 23 Februari 1971. hlm. 88.

¹⁰ ...Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak memegang kuasa mutlak memerintah negara tanpa Parlimen sesudah Peristiwa 13 Mei tahun 1969. Pada masa itu beliau mentadbirkan negara dengan bantuan Majlis Gerakan Negara. Majlis Gerakan Negara itu tidak mentadbirkan negara lebih daripada masa yang diperlukan, walaupun satu hari, tidak. Kemudian Tun Abdul Razak dalam tempoh 21 bulan sahaja kembalikan hak rakyat kepada rakyat, pulih semula Parlimen. Lihat Perbahasan Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie di Dewan Rakyat pada 1974. hlm 424.

Rahman berakhir sejak itu. Sungguhpun beliau terus menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO tetapi beliau tidak mempunyai kuasa apa pun.¹¹ Bidang kuasa Tun Abdul Razak sebagai pengarah MAGERAN melebihi kuasa Perdana Menteri ketika itu.¹² Dengan ini MAGERAN bukan sahaja menandakan kawalan Tun Abdul Razak keatas seluruh pentadbiran negara bahkan juga tentera buat pertama kali sejak merdeka. Hal ini merupakan bibit permulaan kepada pemerintahan di bawah Tun Abdul Razak serta pengunduran Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri.

1.2 Faktor Pencetus Rusuhan 13 Mei 1969

Peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 adalah berpunca daripada provokasi orang Cina terhadap orang Melayu yang melibatkan pencerobohan keatas Fasal 152 dan 153 Perlembagaan Persekutuan yang menuntut persamaan taraf antara orang Melayu dan bukan Melayu, tuntutan terhadap penubuhan Universiti Merdeka, bahasa dan kebudayaan orang Cina, dan secara provokatif mengisytiharkan bahawa orang Melayu bukanlah bersifat Bumiputera dalam negeri ini jika dibandingkan dengan kaum lain. Pihak Komunis pula mengatur rancangan untuk membuat kekacauan dan huru hara dengan menghasut orang ramai supaya memulau Pilihan Raya Umum 1969.¹³ Pihak

¹¹ Subky Latiff adalah merupakan seorang pengarang dan wartawan Utusan Melayu. Lihat Kua Kia Soong. (2007). *13 Mei: Dokumen-dokumen Deklasifikasi Tentang Rusuhan 1969 Malaysia*. Seah Li Ling. Selangor: Suaram Komunikasi. hlm 4.

¹² *Ibid.*, hlm. 127.

¹³ Parti Komunis Malaya (PKM) terus mengeksploitasi segala isu-isu yang timbul demi memajukan objektifnya untuk merampas kuasa dan menubuhkan sebuah negara komunis. PKM telah mengaturkan propaganda dan dakyah yang halus untuk masing-masing kaum Cina, Melayu dan India dengan mengeksploitasi segala ketidakpuasan yang dianggap dialami oleh kaum yang berkenaan. Lihat *Kertas Perintah 14 Tahun 1988: Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara*. Kuala Lumpur: Kerajaan Malaysia. hlm 16.

komunis melaksanakan agendanya menerusi komponen parti pembangkang iaitu *Democratic Action Party* (DAP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) dan parti Buruh.

Tun Abdul Razak turut mengakui penglibatan pihak komunis dalam peristiwa rusuhan kaum tahun 1969 melalui ucapan beliau iaitu:

"Kita di Malaysia masih menghadapi ancaman daripada pihak pengganas komunis yang menjalankan kegiatan² jahat bukan saja di kawasan² sempadan bahkan menyusup masuk ke kawasan² penempatan masa akhir² ini. Mereka menjalankan kempen² dakyah dan hasutan² jahat di kalangan penduduk² kita yang berbilang kaum, sambil mencari segala peluang untuk menghancurkan perpaduan kaum... Kerana dengan rosaknya pertalian dan perhubungan kaum, mereka dengan lebih mudah akan dapat menjalankan segala usaha jahat mereka dan mencapai matlamat merampas kekuasaan di negara ini".¹⁴

Tun Abdul Razak menegaskan bahawa ketika berlakunya rusuhan kaum 13 Mei, negara masih menghadapi ancaman daripada puak komunis yang sedang bergiat aktif dalam aktiviti penyebaran dakyah mereka terutamanya di kawasan penempatan. Fokus utama komunis adalah untuk menggugat keharmonian hubungan kaum dan menimbulkan perpecahan dalam masyarakat bagi melemahkan sistem pemerintahan, dengan ini mereka dengan mudah menggunakan peluang yang ada bagi melaksanakan agenda merampas kuasa. Peranan yang dimainkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) dan kongsi gelap adalah membangkitkan perasaan perkauman dan kecurigaan, kegelisahan dan kehampaan orang Melayu dalam keadaan suasana yang sememangnya dimendungi oleh perasaan saling tidak percaya mempercayai antara

¹⁴ Ucapan Perdana Menteri Merangkap Pengerusi Majlis Perpaduan Negara, di Mesyuarat Pertama Majlis Perpaduan Negara, di Dewan Tunku Abdul Rahman Pada 1hb Julai, 1971. hlm. 239.

orang Melayu dan orang Cina.¹⁵ Pada akhir selepas pilihan raya bertambah pula dengan berbagai-bagai cacian perkauman dan ancaman terhadap kesejahteraan dan kehidupan masa depan orang Melayu di tanah air mereka sendiri.¹⁶

Tunku Abdul Rahman (Tunku) pernah melalui detik-detik ancaman komunis sehingga tercetusnya keadaan darurat di Tanah Melayu, konfrontasi Indonesia yang didalangi oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) dan sokongan yang diberikan oleh negara China terhadap gerakan komunis di Tanah Melayu adalah di antara beberapa peristiwa yang mempengaruhi keperibadian beliau untuk membenci komunis.¹⁷ Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa *"Kita mestilah menyedari bahawa Cina Komunis sepanjang masa memandang ke arah kita dengan harapan suatu hari kelak akan menguasai seluruh Asia Tenggara."*¹⁸ Seterusnya Tunku juga mengakui; *"Memang benar saya takut Cina Komunis dan dasar² mereka. Kalau mereka tidak mengakibatkan pencerobohan secara langsung mereka akan menggunakan orang lain untuk menimbulkan huru hara."*¹⁹ Maka jelaslah rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 adalah merupakan provokasi orang Cina dan agenda yang dirancang oleh pihak komunis.

¹⁵ Rosli Jamaludin. (2011). *Darurat Di Daerah Kecil Sungai Siput Utara, Perak, 1948-1960*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 43.

¹⁶ Shariff Ahmad. (2004). *Tun Razak: Putera Titiwangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. hlm. 13.

¹⁷ Speech By The Prime Minister At The Federal Lagislative Council, Kuala Lumpur On 6th December, 1958. Straits Times, December 7, 1918. Herberth Faith, President Soekarno, "The Army and The Communist: The Triangle Changing Shapes dalam ASEAN Survey", August 1964, Vol. IV, No. 8.

¹⁸ Ucapan Tunku Abdul Rahman di Perhimpunan Agung UMNO Pada 31 Julai 1966.

¹⁹ *The Straits Times*, 8 February 1968.

Peristiwa 13 Mei 1969 berlaku akibat sentimen perkauman yang ketara dalam politik Malaysia, iaitu setelah pengumuman keputusan Pilihan Raya Umum 1969 yang diadakan pada 10 Mei 1969. Parti Perikatan memperoleh undi yang kurang berbanding pilihan raya sebelumnya. Dalam pilihan raya ini Parti Perikatan yang dianggotai oleh *United Malay National Organisation* (UMNO), *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC) mengalami kemerosotan undi, iaitu kurang separuh daripada keseluruhan jumlah undi pilihan raya seluruh negara. Sokongan terhadap Parti Perikatan merosot sebanyak 10 peratus berbanding Pilihan Raya Umum 1964. Parti Perikatan hanya memenangi 66 kerusi daripada 104 kerusi yang dipertandingkan. Dalam pilihan raya peringkat negeri, pengaruh parti ini juga merosot. Parti ini tewas dan kehilangan pengaruh di Kelantan, Perak dan Pulau Pinang. Di Selangor, tidak ada parti yang memperoleh majoriti yang mencukupi untuk membentuk sebuah kerajaan.²⁰

Kesan yang paling besar daripada pilihan raya ini ialah hilangnya sokongan kaum Cina dan India terhadap Parti Perikatan. MCA yang mewakili kaum Cina dalam Parti Perikatan kalah 20 daripada 33 kerusi parlimen yang diperuntukkan kepadanya. Parti pembangkang iaitu Parti Gerakan dan DAP yang bersifat anti-Melayu mendapat sokongan yang besar daripada orang Cina dan India. Beberapa kejadian yang berlaku sebelum pilihan raya menunjukkan bibit pertelagahan di antara orang Melayu dengan orang Cina. Pembunuhan Encik Kassim Omar, pekerja UMNO di Pulau Pinang oleh pemuda Cina dan kematian Lim Soon Seng kerana ditembak apabila menyerang

²⁰ Perikatan dan parti pembangkang masing-masing memperoleh 14 undi dalam pilihan raya kali ini. Lihat *Ensiklopedia Dunia*. (2005). Jilid 17. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 283. Paridah Abd. Samad. (1998). *Tun Abdul Razak: A Phenomenon In Malaysian Politics, A Political Biography*. Kuala Lumpur: Affluent Master Sdn. Bhd. hlm. 57.

anggota polis berbangsa Melayu adalah kejadian yang menyemarakkan semangat perkauman. Kematian Lim Soon Seng dijadikan isu besar oleh Parti Gerakan dan DAP untuk menunjukkan sikap kekejaman orang Melayu terhadap orang Cina.²¹

Abdullah Ahmad dalam tulisannya *Tengku Abdul Rahman And Malaysia's Foreign Policy 1963-1970* menegaskan bahawa keharmonian kaum dan kompromi antara kaum yang wujud sebelum itu hancur. Rusuhan kaum menyelubungi Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969 dan merupakan satu pengalaman pahit yang terpahat dalam ingatan masyarakat Malaysia sehingga kini.²² Isu-isu perkauman yang menyentuh emosi kaum menjadi tema utama sepanjang kempen pilihan raya yang menaikkan semangat kaum di negara ini yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan agama. Semasa kempen pilihan raya tahun 1969, calon serta ahli politik parti pembangkang terutamanya Parti Gerakan dan DAP membangkitkan isu sensitif berkaitan Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu (Bumiputera) serta hak kerakyatan orang bukan Melayu.²³ Keadaan ini menimbulkan perasaan perkauman yang kuat dan syak wasangka.

Slogan *Malaysian Malaysia* juga menjadi agenda utama kempen pilihan raya parti pembangkang bukan Melayu. Slogan *Malaysian Malaysia* yang diperjuangkan oleh PAP semasa Singapura berada dalam Malaysia meninggalkan kesan yang sangat

²¹ *Ibid.*, hlm. 283.

²² Abdullah Ahmad. (1985). *Tengku Abdul Rahman And Malaysia's Foreign Policy 1963-1970*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. hlm 120.

²³ Parti Gerakan ditubuhkan oleh Dr. Tan Chee Khoon bersama Dr, Lim Chong Eu dan adik-beradik Alatas pada April 1968. Lihat Kua Kia Soong. (2007). *13 Mei: Dokumen-dokumen Deklasifikasi Tentang Rusuhan 1969 Malaysia*. Seah Li Ling. Selangor: Suaram Komunikasi. hlm. 40. Nik Anuar Nik Mahmud. (2000). *Tragedi 13 Mei 1969: Rahmat Tersembunyi*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 8.

mendalam dalam senario politik tanah air.²⁴ Walaupun Singapura dipisahkan daripada Malaysia pada tahun 1965, slogan *Malaysian Malaysia* masih diperjuangkan oleh parti pembangkang khususnya *Democratic Action Party* (DAP), *People's Progressive Party* (PPP) dan Parti Gerakan yang pernah bergabung dalam *Malaysia Solidarity Convention* (MSC).²⁵ Tanpa mempedulikan sensitiviti orang Melayu, parti pembangkang bukan Melayu menuntut agar kedudukan keistimewaan orang Melayu yang menjadi tonggak kekuatan orang Melayu dikaji semula serta dihapuskan.²⁶ Parti pembangkang tersebut juga menubuhkan barisan bersatu bagi memastikan Perikatan tewas dalam pilihan raya umum pada tahun 1969 di sesetengah negeri yang mana majoriti pengundi Melayu adalah kecil. Singapura menjadi negara contoh bagi mereka.²⁷

Sebelum kempen *Malaysian Malaysia*, golongan bukan Melayu menganggap bahawa proses untuk mereka mendapat hak yang sama seperti orang Melayu memerlukan masa yang lama. Mereka perlu meyakinkan orang Melayu tentang

²⁴ Tew Peng Kooi. (2007). *Sejarah Parti Gerakan Rakyat Malaysia, 1968-1990*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 28.

²⁵ *Malaysian Solidarity Convention* (MSC) ditubuhkan oleh Lee Kuan Yew yang berteraskan konsep 'Malaysian Malaysia' manakala Parti Progresif Rakyat dikuasai oleh dua orang adik-beradik daripada keluarga Seenivasangam, kedua-dua mereka adalah merupakan peguam. Lihat Kua Kia Soong. (2007). *13 Mei: Dokumen-dokumen Deklasifikasi Tentang Rusuhan 1969 Malaysia*. Seah Li Ling. Selangor: Suaram Komunikasi. hlm. 13. Tew Peng Kooi. (2000/2001). *Kepimpinan Tun Dr. Lim Chong Eu di Pulau Pinang Sehingga 1974*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 118 & 261.

²⁶ Tujuannya adalah untuk menuntut kesamarataan bagi rakyat Malaysia, sebuah negara yang demokrasi dan merdeka serta menyatupadukan rakyat. Lihat *Sing Pin Jit Poh*, 10/5/65. Tew Peng Kooi. (2000/2001). *Kepimpinan Tun Dr. Lim Chong Eu di Pulau Pinang Sehingga 1974*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 83. Chamil Wariya. (1988). *UMNO Era Mahathir*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. hlm. 150.

²⁷ Pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965 adalah atas faktor perkauman, Tunku Abdul Rahman secara sukarela melepaskan Singapura untuk menjadi sebagai sebuah negara yang merdeka daripada Malaysia dengan cara baik bagi mengelakkan konflik yang berterusan serta untuk menjaga keamanan. Temubual Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur, pada 22 November 2013. Nik Anuar Nik Mahmud. *Tun Razak, Tragedi 13 Mei dan Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm. 281.

kesetiaan mereka kepada negeri ini. Mereka juga menyedari bahawa orang Melayu harus diberikan kesempatan terlebih dahulu untuk mendapat tempat yang wajar dalam tanah airnya sendiri sebelum menuntut persamaan hak. Namun begitu keadaan berubah setelah kempen *Malaysian Malaysia* dilancarkan oleh *Peoples Action Party* (PAP). Kempen tersebut menekankan bahawa orang bukan Melayu harus diberikan hak yang sama dengan orang Melayu, tidak harus ada golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera. Dengan kata lain kempen tersebut secara langsung ditujukan untuk menggugat apa yang mereka anggap sebagai kekuasaan politik bangsa Melayu.²⁸

Kejadian rusuhan juga berlaku adalah berikutan daripada pelbagai perkembangan dalam sejarah negara ini beberapa tahun sebelum berlakunya peristiwa tersebut. Antaranya ialah tiadanya perhubungan yang terus menerus antara generasi dan tafsiran yang berlainan oleh masing-masing kaum di negara ini terhadap kandungan Perlembagaan Persekutuan.²⁹ Tun Abdul Razak mengakui bahawa wujud perbezaan tafsiran terhadap perlembagaan antara orang Melayu dan bukan Melayu.³⁰ Keadaan ini membawa kepada bertambahnya pencerobohan politik oleh kaum pendatang terhadap beberapa perkara asasi dalam Perlembagaan iaitu perkara yang berkaitan dengan bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu terutamanya berkaitan dengan Fasal 152 dan 153 Perlembagaan Persekutuan.³¹ Hasutan serta kata-

²⁸ Nik Anuar Nik Mahmud. (2000). *Tragedi 13 Mei 1969: Rahmat Tersembunyi*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. hlm 2.

²⁹ Laporan Majlis Gerakan Negara. *Trajecti 13 Mei*. Kuala Lumpur. 1969. hlm xi.

³⁰ Mohd Sohaimi Esa. (2011). *Peranan Tun Abdul Razak Dalam Pentadbiran dan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 393.

³¹ Fasal 152, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu manakala Fasal 153, Perlembagaan Persekutuan meliputi tanggungjawab Yang di-Pertuan